

Ekonomi suku ketiga berkembang 3.3 peratus

Pertumbuhan atasi jangkaan 3.0 peratus disokong permintaan domestik kukuh

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ekonomi Malaysia berkembang 3.3 peratus pada suku ketiga 2023, mengatasi jangkaan pasaran 3.0 peratus disokong permintaan domestik yang utuh.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour, berkata perbelanjaan sektor swasta memacu pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada suku dikaji itu, dengan perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh pertumbuhan selanjutnya dari segi guna tenaga dan upah.

Beliau berkata, aktiviti pelaburan disokong oleh kemajuan projek berbilang tahun dan pengembangan kapasiti oleh syarikat.

Katanya, eksport kekal lembap berikutan kelemahan permintaan luaran yang berpanjangan, namun keadaan itu sebahagiannya diimbangi oleh kemasukan pelancong asing yang kembali pulih.

Dari segi penawaran, jelasnya, sektor perkhidmatan, pembinaan

dan pertanian terus menyokong pertumbuhan, namun sebahagiannya diimbangi oleh penurunan pengeluaran dalam sektor perkhidmatan disebabkan oleh permintaan yang lemah terhadap produk elektrik dan elektronik (E&E) serta pengeluaran produk petroleum bertapis yang lebih rendah.

"Asas makroekonomi Malaysia kekal menyokong pertumbuhan dengan ekonomi secara kukuh melepasi paras pra-pandemik. Ekonomi Malaysia berkembang 3.3 peratus pada suku ketiga 2023, dipacu terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta.

"Pengembangan berterusan dalam permintaan domestik dan kemajuan dalam permintaan luaran akan menyokong pertumbuhan pada 2024," katanya pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi pada suku ketiga 2023 di sini, semalam.

Mengulas prestasi mengikut sektor, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata sektor perkhidmatan dan pembinaan memacu prestasi keseluruhan sementara sektor pertanian menunjukkan pemulihan selepas penurunan pada suku tahun sebelumnya.

Beliau berkata, sektor perkhidmatan meningkat 5.0 peratus pada suku ketiga 2023 berikutan kemajuan merentasi pengguna dan perkhidmatan berkaitan perkhidmatan.

Katanya, sektor pembinaan terus berkembang 7.2 peratus pada suku itu didorong sokongan berterusan projek infrastruktur ska-



Shaik Abdul Rasheed (kanan) bersama Mohd Uzir pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi pada suku ketiga 2023 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Rohanis Shukri/BH)

la besar dan projek berskala kecil, sementara sektor pembuatan mencatatkan penurunan kecil 0.1 peratus.

Inflasi keseluruhan menurun

Pada suku ketiga 2023, inflasi keseluruhan terus menurun kepada 2.0 peratus berikutan penurunan dicatatkan oleh inflasi bukan teras dan inflasi teras.

Bagi inflasi bukan teras, makanan segar dan bahan api menyumbang kepada penurunan berkenaan, sementara inflasi teras terus menurun kepada 2.5 peratus tetapi kekal melebihi purata jangka panjang 2.0 peratus dalam tempoh 2011 hingga 2019.

Abdul Rasheed, berkata, ekonomi Malaysia berada dalam landasan untuk mencapai sasaran 4.0 peratus hingga 5.0 peratus

bagi keseluruhan 2023 berdasarkan petunjuk pertumbuhan yang positif setakat ini.

Ia di sebalik berdepan ketidakpastian luaran, ekonomi negara berkembang sebanyak 3.9 peratus dalam tempoh tiga suku tahunan tahun ini.

Justeru, berdasarkan petunjuk terkini, pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi 2023 dijangka sekitar sekitar 4.0 peratus.

"Malaysia mempunyai ekonomi yang pelbagai dan juga struktur eksport. Kita juga mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berubah-ubah.

"Melihat kepada beberapa petunjuk pertumbuhan, kami melihat pertumbuhan yang positif juga dari segi permintaan untuk

kereta penumpang, dan juga dari segi penggunaan swasta. Justeru, pertumbuhan seperti yang disasarkan sebenarnya boleh dicapai," katanya.

Menuju ke 2024, Abdul Rasheed berkata, pengembangan berterusan dalam permintaan domestik dan kemajuan dalam permintaan luaran akan menyokong pertumbuhan pada tahun depan.

Beliau berkata, ekonomi dijangka berkembang antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus pada 2024 dengan pertumbuhan akan terus didorong oleh permintaan dalam negeri yang berkembang berikutan prospek pekerjaan dan pendapatan yang stabil, terutamanya dalam sektor berorientasikan dalam negeri.

Namun, katanya, prospek pertumbuhan tahun depan kekal bergantung kepada risiko luaran dan domestik, terutamanya permintaan luar yang lebih lemah daripada jangkaan serta penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar dan berpanjangan.

"Pemacu pertumbuhan utama bagi 2024 ialah persekitaran pasaran pekerjaan yang lebih baik, kemajuan projek pelaburan, pengembangan berterusan dalam pekerjaan, kemajuan dalam kitaran teknologi global dan peningkatan aktiviti pelancongan.

"Ketibaan pelancong di Malaysia telah mencapai kira-kira 70 peratus daripada paras pra-pandemik dan pemulihan didorong terutamanya oleh pelancong serantau dari Singapura, Indonesia dan Thailand," katanya.